



كردا دارالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj Kami : P.Kw.N.(K)1522 Jld. 2 (26)

Tarikh : 04 Rabiulawal 1447H

28 Ogos 2025

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri/
Badan Berkanun Negeri**

Yang Berhormat Dato' Seri/Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato'
Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Yang Berbahagia Dato' Seri Setia DiRaja
Dato' Paduka /Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL
AMAN BILANGAN 1 TAHUN 2025**

**Kawalan Perbelanjaan Bagi Peruntukan Bajet Tahun 2025 dan
Makluman Tarikh Akhir Penyediaan Pesanan Tempatan, Inden Kerja,
Surat Setuju Terima (SST), Pengeluaran Waran Peruntukan Kecil dan
Pindah Peruntukan**

Dengan hormatnya pentadbiran ini merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri/Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Yang Berbahagia Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka /Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan, pentadbiran ini telah menetapkan tarikh akhir penyediaan pesanan tempatan, inden kerja, surat setuju terima (SST), pengeluaran waran peruntukan kecil dan pindah peruntukan bagi tujuan memastikan perolehan, perkhidmatan bekalan dan kerja dapat disempurnakan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 1 Tahun 2025** yang mengandungi garis panduan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak Yang Berhormat Dato' Seri/Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Yang Berbahagia Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka /Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan.

4. Bagi sebarang pertanyaan, pihak Yang Berhormat Dato' Seri/Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Paduka/Yang Amat Arif Dato'/Yang Berbahagia Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka /Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Pegawai Unit Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan seperti di bawah :-

- i. Cik Amal binti Zubir : 04 702 7723
- ii. Encik Muhammad Alif bin Ismail : 04 702 7728

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**

**Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman**

Tel : 04-7027725/7027752

Emel : pkpk_belanjawan@kedah.gov.my



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri/
Badan Berkanun Negeri**

**KAWALAN PERBELANJAAN BAGI PERUNTUKAN BAJET TAHUN 2025 DAN
MAKLUMAN TARIKH AKHIR PENYEDIAAN PESANAN TEMPATAN, INDEN
KERJA, SURAT SETUJU TERIMA (SST), PENGELUARAN WARAN
PERUNTUKAN KECIL DAN PINDAH PERUNTUKAN**

1.0. TUJUAN

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memastikan semua Pegawai Pengawal yang menerima peruntukan Kerajaan Negeri membuat kawalan perbelanjaan kepada peruntukan yang telah diluluskan.
- 1.2. Berdasarkan prestasi kewangan semasa Kerajaan Negeri terdapat ketidakseimbangan antara terimaan hasil dan perbelanjaan. Bagi memastikan kedudukan kewangan negeri stabil, langkah kawalan perbelanjaan perlu dibuat.
- 1.3. Pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri mengenai tarikh akhir penyediaan Pesanan Tempatan, Inden Kerja, Surat Setuju Terima (SST), pengeluaran Waran Peruntukan Kecil dan Pindah Peruntukan bagi memastikan perolehan, perkhidmatan, bekalan dan kerja dapat disempurnakan seperti kehendak Arahan Perbendaharaan.

- 1.4 Semua perbelanjaan adalah dihadkan sehingga tempoh ditetapkan sahaja. Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyemak semula perbelanjaan yang akan dibuat dan memastikan semua pembayaran disempurnakan dalam tahun 2025 dan mengelakkan AP58(a).
- 1.5 Pegawai Pengawal yang **gagal mematuhi peraturan** ini boleh dikenakan **tindakan di bawah AP59**.

2.0 KAWALAN PERBELANJAAN BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2025

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat perancangan perbelanjaan berdasarkan keutamaan dan peruntukan yang telah diluluskan. Semakan terhadap baki semasa peruntukan hendaklah dibuat berdasarkan AP54 bagi **memastikan perbelanjaan dibuat tidak melebihi peruntukan**.

2.1 Perbelanjaan Mengurus

2.1.1 Elaun Lebih Masa

Perbelanjaan elaun lebih masa hendaklah dikawal, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang mengarahkan kerja lebih masa hendaklah berpuas hati bahawa kerja lebih masa tersebut **benar-benar penting** dan perlu dilaksanakan. Arahan hendaklah dikeluarkan secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

2.1.2 Perkhidmatan dan Bekalan

KOD	PENGECCUALIAN
21000	Dibenarkan dengan kawalan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
22000	
23000	
24000	
25000	

KOD	PENGECUALIAN
26000	Dibenarkan untuk alat ganti, petroleum, bahan-bahan keluaran petroleum dan bahan-bahan pembakar, bahan pertanian dan makanan ternakan.
27000	Dibenarkan untuk perolehan bagi pembelian surat khabar dan warta kerajaan. Bagi lain-lain item, perolehan hendaklah diselesaikan pada atau sebelum 18 September 2025 (Khamis) dan Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan pada atau sebelum 23 September 2025 (Selasa) .
28000	Dibenarkan untuk perolehan yang terikat dengan kontrak, penyelenggaraan berkala kenderaan, komputer, pendingin hawa atau penyelenggaraan kecemasan sahaja dengan pengesahan bahagian teknikal .
29000	a. Dibenarkan untuk bayaran emolumen, tuntutan kakitangan kontrak/ sementara/ PSH. b. Makan minum dan pengurusan mesyuarat di jabatan. c. Kehadiran kursus anjuran INSPIN dan lain-lain institusi latihan awam bagi memenuhi keperluan 7 hari berkursus dengan kawalan bilangan peserta yang hadir oleh Pegawai Pengawal. d. Perolehan yang terikat dengan kontrak. e. Perkhidmatan percetakan kepala surat dan warta kerajaan. f. Perolehan bagi maksud bekalan dan perkhidmatan disebabkan bencana.

2.1.3 Pembelian Aset

Peruntukan bagi semua kod 30000 (aset) adalah **dibekukan** kecuali bagi yang telah selesai perolehan atau dalam proses perolehan dan yang telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pesanan tempatan hendaklah dikeluarkan pada atau sebelum **23 September 2025 (Selasa)**.

Aset jabatan hendaklah didaftarkan dengan sempurna ke dalam sistem iSPEKS sebelum **16 November 2025 (Ahad)**.

2.1.4 Pemberian Kepada Badan Berkanun

Semua Badan Berkanun Negeri hendaklah menyusun semula perbelanjaan dan mengemukakan **cadangan penjimatan sekurang-kurangnya 10% daripada peruntukan tahun 2025 yang telah diluluskan**.

Sekatan akan dibuat pada sukuan keempat berdasarkan cadangan yang diterima. Sekiranya tiada maklum balas daripada Badan Berkanun Negeri, tindakan pelarasan peruntukan akan dibuat oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

2.1.5 Pengambilan Kakitangan Tidak Berwaran

Pengambilan kakitangan kontrak yang tidak berwaran dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) adalah tidak dibenarkan.

2.2 **Perbelanjaan Pembangunan**

Peruntukan Kerajaan Negeri

2.2.1 Tahun 2025 merupakan tahun akhir bagi RMK-12, semua projek yang perlu disiapkan pada tahun 2025 hendaklah **diselesaikan bayaran muktamad pada tahun 2025. Tiada peruntukan akan disediakan pada tahun 2026 sekiranya berlaku kelewatan bayaran di peringkat jabatan**. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan surcaj dan perakuan bayaran di bawah AP59.

2.2.2 Projek yang telah diberi kebenaran khas belanja oleh Pegawai Kewangan Negeri dan telah selesai atau dalam proses perolehan sahaja dibenarkan untuk dilaksanakan. Proses perolehan hendaklah diselesaikan pada atau sebelum **18 September 2025 (Khamis)** dan Inden Kerja/Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan pada atau sebelum **23 September 2025 (Selasa)**.

2.2.3 Kerja-kerja hendaklah disiapkan pada atau sebelum **15 Disember 2025 (Isnin)** bagi memastikan bayaran dapat dibuat sebelum tarikh akhir baucar bayaran.

Peruntukan TAHAP & EFT

2.2.4 Peruntukan di bawah maksud **TAHAP dan EFT (Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation)** adalah dibenar untuk dibelanjakan seperti senarai berikut ;

Bil	Kod Vot	Kod Projek	Projek
1	P.04	01001	Projek Pembangunan Prasarana Desa
		01004	Projek Ameniti Sosial
		06002	Menaik Taraf dan Baik Pulih Kemudahan Pelancongan
		09001	Membina/Pembaikan Rumah Keluarga Miskin
		14001	Menaik Taraf dan Baik Pulih Perumahan Awam Kerajaan
		15001	Membina Ruang Niaga
		15002	Menaik Taraf Tapak/Ruang Niaga
2	P.06	02001	Pembangunan Sekolah Agama dan Institusi Pendidikan
		02002	Membina dan Menaik Taraf Jalan/Jambatan
		02003	Membina dan Menaik Taraf Ruang Niaga
		02004	Lain-Lain Projek TAHAP
		03005	Lain-Lain Projek Khas Pembangunan
		04002	Peruntukan Luar Jangka PKN (EFT)
3	P.09	01001	Naik Taraf Jalan dan Jambatan
		01002	Membina Baharu Jalan dan Jambatan

Bil	Kod Vot	Kod Projek	Projek
4	P.11	01001	Peningkatan Hasil Tanaman Padi
		01002	Peningkatan Kemudahan Jalan Ladang
		01003	Program Sawah Gemilang
		01004	Promosi Teknologi, Demonstrasi, Inovasi
		01005	Pembangunan Usahawan Padi
		02001	Pemulihan Kawasan Buah-Buahan
		02002	Projek Dusun Nukleus/Ladang Komersial
		02003	TKPM Buah-Buahan
		02004	Galakan dan Promosi Penggunaan Teknologi Baharu Buah-Buahan
		06001	Pembangunan Pusat-Pusat Kecemerlangan Pertanian
5	P.13	01001	Program Kejuruteraan Tebatan Banjir
		01002	Program Rancangan Tebatan Banjir Pengkalan Lebai Man
		01003	Program Rancangan Tebatan Banjir
		01004	Program Kerja-Kerja Tebatan Banjir
		01005	Kerja-Kerja Awalan Program Tebatan Banjir
		02001	Menaik Taraf Sistem Pengairan Skim
		02002	Kerja-Kerja Awalan Program Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Skim
		03001	Program Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Luar Skim (TAHAP)
6	P.16	01001	Menaik Taraf/Baik Pulih Masjid Negeri
		01002	Menaik Taraf/Baik Pulih Masjid
		01003	Membina Baharu Surau
		01004	Menaik Taraf/Baik Pulih Surau
		02001	Menaik Taraf/Baik Pulih Kemudahan Tadika Islam
		02002	Membina Baharu Tadika Islam
		02003	Membina/Membaik Pulih Bangunan KAFA

Bil	Kod Vot	Kod Projek	Projek
7	P.24	01001	Pengukuran dan Penandaan Sempadan Luar Hutan Simpan
		01002	Mencuci dan Menanda Sempadan Luar HSK
		01003	Inventori Hutan Sebelum Tebangan
		01004	Penandaan Pokok
		01005	Inventori Hutan Selepas Tebangan
		02002	Pembersihan dan Penyelenggaraan Hutan Lipur
		03002	Tanaman Kawasan Lapang dan Terosot (Restorasi)
		03003	Rawatan Silvikultur Hutan Asli (Tanaman Mengaya)
		03004	Penilaian Kepelbagaian Biologi Simpanan Hutan Dara (VJR)
		03005	Pembangunan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCVF)
		03006	Tanaman Bakau dan Spesis Pesisiran Pantai
		03007	Rawatan Bakau dan Spesis Pesisiran Pantai
		03008	Pembangunan Kawasan Konservasi Ekologi, Kawasan Perlindungan Habitat dan Spesis
		04002	Perhutanan Sosial, Komunikasi dan Kesedaran Awam
		07001	Perolehan Biji Benih Serta Penghasilan Bahan Tanaman dan Tapak Semaian
		08001	Operasi Risikan dan Penguatkuasaan

2.2.5 Proses perolehan hendaklah diselesaikan pada atau sebelum **15 Oktober 2025 (Rabu)** dan Inden Kerja/Pesanan Tempatan hendaklah dikeluarkan pada atau sebelum **22 Oktober 2025 (Rabu)**.

2.2.6 Projek TAHAP dan EFT hendaklah disiapkan dan pembayaran diselesaikan pada atau sebelum **01 Disember 2025 (Isnin)**. Laporan Prestasi Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2025 hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri sebelum atau pada **08 Januari 2026 (Khamis)** bagi tujuan auditan.

2.2.7 Sebarang pengecualian kepada perkara 2.2.2 dan 2.2.5 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** Pegawai Kewangan Negeri.

3.0 PERATURAN BAGI PENYEDIAAN PESANAN TEMPATAN, INDEN KERJA, SURAT SETUJU TERIMA (SST), PENGELUARAN WARAN PERUNTUKAN KECIL DAN PINDAH PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2025

3.1 Pesanan Tempatan/Surat Setuju Terima (SST) Bekalan dan Perkhidmatan

3.1.1 Pesanan Tempatan/SST hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh pembekal.

3.1.2 Pengeluaran Pesanan Tempatan/SST hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri.

3.1.3 Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan/SST bagi koding 27000 adalah pada **18 September 2025 (Khamis)**, manakala pengeluaran Pesanan Tempatan/SST bagi maksud perbelanjaan lain yang dibenarkan adalah pada **16 November 2025 (Ahad)**. Pengeluaran Pesanan Tempatan/SST selepas 16 November 2025 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri **kecuali** untuk tujuan penginapan dan perjalanan bagi urusan rasmi.

3.2 Inden Kerja/Surat Setuju Terima (SST) Kerja

- 3.2.1 Inden Kerja/SST hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh kontraktor. Tindakan mengunci masuk inden hendaklah disegerakan selepas perolehan diselesaikan.
- 3.2.2 Pengeluaran Inden Kerja/SST hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 3.2.3 Tarikh akhir pengeluaran Inden Kerja/SST bagi perbelanjaan yang dibenarkan dengan **Kelulusan Khas** adalah pada **22 Oktober 2025 (Rabu)**.
- 3.2.4 Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk memastikan kerja-kerja dapat disempurnakan selewat-lewatnya pada atau sebelum;
Peruntukan Negeri - **15 Disember 2025 (Isnin)**
Peruntukan TAHAP dan EFT - **01 Disember 2025 (Isnin)**

3.3 Waran Peruntukan Kecil

- 3.3.1 Tarikh akhir pengeluaran Waran Peruntukan Kecil adalah pada **09 Oktober 2025 (Khamis)**.
- 3.3.2 Pengeluaran Waran Peruntukan Kecil **selepas 09 Oktober 2025 (Khamis)** hendaklah mendapat kelulusan perbelanjaan daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum dikeluarkan.

3.4 Pindah Peruntukan

- 3.4.1 Semua permohonan Pindah Peruntukan hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mengikut peraturan yang telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.1 tahun 2025.

3.4.2 Jabatan hendaklah membuat kiraan anggaran keperluan bagi kod yang tidak mempunyai baki yang mencukupi bagi **mengelakkan vot berbaki negatif**.

3.4.3 Pindah Peruntukan juga hendaklah mengambil kira perancangan perbelanjaan bagi **mengelakkan pindah peruntukan tidak dibelanjakan**. Pegawai Pengawal hendaklah mengawal dan menyenggara peruntukan vot jabatan selaras dengan AP95.

3.4.4 Tarikh akhir permohonan Pindah Peruntukan adalah pada **30 Oktober 2025 (Khamis)**.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang masih berkuatkuasa selain dinyatakan sebaliknya. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa **SERTA MERTA** mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

5.0 PENUTUP

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri hendaklah memastikan segala langkah kawalan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya demi untuk menjamin kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**

**Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman**

Tarikh : **28 Ogos 2025**

s.k. Yang Berhormat Dato' Seri
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Tuan Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
Puan Pengarah Audit Negeri Kedah Darul Aman

LAMPIRAN

RINGKASAN TARIKH PENTING SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BILANGAN 1 TAHUN 2025

BIL	PERKARA	TARIKH AKHIR	PARA
1	Kod 27000 selain daripada surat khabar dan warta kerajaan • Proses perolehan diselesaikan • Pesanan Tempatan	• Pada atau sebelum 18 September 2025 • Pada atau sebelum 23 September 2025	2.1.2
2	Pesanan Tempatan/SST Bekalan dan Perkhidmatan Bagi maksud perbelanjaan lain yang dibenarkan selain kod 27000	• Pada 16 November 2025	3.1.3
3	Pembelian aset yang telah selesai perolehan atau dalam proses perolehan dan yang telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri • Pesanan Tempatan	• Pada atau sebelum 23 September 2025	2.1.3
4	Inden Kerja/SST Kerja	• Pada 22 Oktober 2025	3.2.3
5	Waran Peruntukan Kecil	• Pada 09 Oktober 2025	3.3.1
6	Pindah Peruntukan	• Pada 30 Oktober 2025	3.4.4
7	Perbelanjaan Pembangunan Peruntukan Kerajaan Negeri • Proses perolehan diselesaikan • Inden Kerja/Pesanan Tempatan • Siap dan selesai bayaran	• Pada atau sebelum 18 September 2025 • Pada atau sebelum 23 September 2025 • Pada atau sebelum 15 Disember 2025	2.2.2 2.2.2 2.2.3

BIL	PERKARA	TARIKH	PARA
8	<u>Peruntukan TAHAP dan EFT</u>		
	• Proses perolehan diselesaikan	• Pada atau sebelum 15 Oktober 2025	2.2.5
	• Inden Kerja/Pesanan Tempatan	• Pada atau sebelum 22 Oktober 2025	2.2.5
	• Siap dan selesai bayaran	• Pada atau sebelum 01 Disember 2025	2.2.6
	• Laporan Prestasi Perbelanjaan	• Pada atau sebelum 08 Januari 2026	2.2.6